

26/07/2002

RTM siar Nik Aziz kata Tuhan samseng

KUALA LUMPUR, Khamis - Mulai esok Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan menyiarkan sedutan ucapan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat, yang menyebut bahawa Tuhan samseng.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata RTM juga akan menyiarkan sedutan ucapan pemimpin Pas yang menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menonton video lucu bersama cucunya di rumah.

Sebelum ini, RTM sudah menyiarkan sedutan ucapan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu yang menyifatkan Perdana Menteri sebagai orang gila dan haprak. Begitu juga dengan Ahli Parlimen Sik, Prof Datuk Shahnnon Ahmad, yang menghina dan mengumpat Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya sama ada langkah RTM itu dapat mengubah persepsi orang ramai, Zainuddin berkata, selama ini tindakan pemimpin Pas memaki hamun pemimpin BN hanya disampaikan melalui pihak ketiga.

"Tetapi sekarang, kita buktikan perkara itu benar dan semua klip video yang disiarkan bukan kita punya tetapi Pas punya," katanya.

Mengenai program media elektronik yang dilihat lebih menyebelahi Barisan Nasional (BN), Zainuddin berkata, pihaknya sedia menerima teguran bagi meningkatkan profesionalisme dalam penyiaran program di televisyen.

"Bagaimanapun, saya ingin maklumkan ramai tidak tahu, TV3 dan RTM ada menjemput calon parti pembangkang untuk mengambil bahagian dalam diskusi, tetapi mereka tidak hadir.

"Kalau ada orang tidak menonton televisyen kerana siarannya dikatakan tidak seimbang, itu bermakna kita tidak yakin pada diri sendiri," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan kepada institusi media sempena Hadiah Kewartawanan Malaysia anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dan Institut Akhbar Malaysia (IAM) di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Zainuddin menyampaikan sijil penghargaan kepada wakil media elektronik dan cetak sebagai menghargai sumbangan dalam pembangunan sosio-ekonomi yang memartabatkan kedudukan masyarakat Islam negara ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah YPEIM, Dr Abd Malek Awang Kechil, Pengerusi IAM, Datuk Mazlan Noordin, Pengurus Besar Kanan Jabatan Hal-Ehwal Berita dan Semasa TV3, Datuk Chamil Wariya, Penolong Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mior Kamarul Shahid dan Penolong Pengarang New Straits Times, Syed Nazri Syed Harun.